



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (32)
Tarikh : 10 November 2019

SIARAN MEDIA

PELANCARAN KEMPEN KESEDARAN KESELAMATAN AKTIVITI DI AIR TAHUN 2019

Bandar Penawar Johor, 10 November 2019 – Majlis Pelancaran Kempen Kesedaran Keselamatan Aktiviti di Air Tahun 2019 telah disempurnakan oleh Datuk Azhar Bin Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar) mewakili Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek, Ketua Setiausaha di Pantai Awam Desaru, Bandar Penawar, Johor hari ini. Pelancaran kempen yang sama turut berlangsung di dua lagi lokasi iaitu di Pantai Chenang, Langkawi dan Teluk Cempedak, Kuantan, Pahang.

Menurut data yang dikeluarkan oleh JBPM, angka kematian akibat lemas bagi **9 bulan pertama tahun 2019 (Januari – September)** adalah sebanyak **171 kes**, iaitu **pengurangan sebanyak 8%** berbanding **tempoh yang sama pada tahun 2018 iaitu 186 kes**. Kejadian insiden mati lemas juga telah berkurangan sebanyak **6%** daripada **327 kes** pada tahun **2017** kepada **309 kes** pada tahun **2018**. Justeru, kementerian mengambil inisiatif melancarkan Kempen Kesedaran Keselamatan Aktiviti Di Air Tahun 2019 terutamanya menjelang cuti sekolah untuk meneruskan momentum pengurangan kadar insiden mati lemas.

Kempen ini berperanan sebagai satu platform pendidikan asas keselamatan dan kesedaran mengenai bahaya aktiviti air di tempat yang sering dikunjungi oleh orang ramai. Peserta program ini berpeluang mempelajari tips dan langkah keselamatan daripada pihak Bomba seperti memastikan keselamatan diri terlebih dahulu sebelum membantu orang lain dan mengetahui langkah-langkah tindakan awal yang perlu diambil sekiranya berlaku kecemasan di badan atau takungan air.

Usaha lain yang turut dilaksanakan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) adalah mengawasi **Kawasan Berisiko Tinggi** yang telah dikenal pasti bagi tujuan kawalan keselamatan sepanjang cuti persekolahan. Selain itu, Majlis Keselamatan Aktiviti Air (MKAA) telah melaksanakan penilaian risiko di kawasan berisiko tinggi tersebut bagi tujuan pemasangan papan tanda keselamatan di air.

Dalam masa yang sama, semua pemilik badan air sama ada pihak berkuasa tempatan (PBT) ataupun agensi-agensi lain yang berkaitan akan diminta **memasang papan-papan tanda amaran dengan menggunakan simbol-simbol ISO 20712** supaya mudah difahami oleh semua pengunjung. Pemasangan papan tanda amaran keselamatan ini adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada semua pengunjung, pelancong dan masyarakat awam mengenai bahaya dan risiko yang terdapat di badan

air tersebut sebagai panduan dan langkah keselamatan yang perlu diambil sebelum melakukan sebarang aktiviti di kawasan rekreasi/badan air tersebut.

Pemasangan papan tanda seragam ini adalah yang pertama kali dilaksanakan di Malaysia dan pada hari ini, salah satu program yang diadakan adalah Pelancaran papan tanda keselamatan di air mengikut piawaian antarabangsa ini dan pemasangan Life Saving Appliances (LiSA).

LiSA merupakan hasil inovasi oleh pegawai dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur yang mana ia berfungsi sebagai agen penyelamat dan mempunyai siren bagi tujuan pemakluman kepada pengunjung bahawa terdapat kes kecemasan yang berlaku ketika itu.

Sebagai langkah proaktif, KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) turut mengkaji undang-undang yang bersesuaian dan menggubal undang-undang kecil bagi tujuan penguatkuasaan keselamatan di badan air dan rekreasi. Antara yang telah dirangka ialah **Garis Panduan Pengurusan dan Penyenggaraan Kolam Renang di kawasan PBT.**

Kempen-kempen seperti ini juga akan dilaksanakan di peringkat negeri dan daerah, terutamanya beberapa hari sebelum cuti sekolah bermula. Kumpulan sasar bagi pelaksanaan kempen ini adalah golongan kanak-kanak, remaja dan belia di mana informasi berguna perlu disampaikan kepada mereka supaya sentiasa berwaspada dan beringat semasa menjalankan aktiviti air di badan air.

Selain daripada usaha-usaha yang telah dijalankan oleh MKAA, semua rakyat Malaysia termasuk pelancong disaran untuk mengambil langkah berjaga-jaga dalam memastikan keselamatan diri semasa menjalankan apa-apa aktiviti yang melibatkan badan-badan air. Pemantauan ibu bapa terhadap aktiviti dan pergerakan anak-anak amat penting memandangkan kejadian lemas yang berlaku di negara ini banyak melibatkan golongan kanak-kanak dan pelajar. Khusus kepada pelajar sekolah yang akan bercuti tidak lama lagi, MKAA suka untuk mengingatkan supaya **"Bergembiralah Melakukan Aktiviti Air Yang Dibenarkan, Ingat Tips Keselamatan Yang Diberikan dan Pulanglah ke Pangkuan Keluarga Dengan Selamat. #pekajanganleka"**.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin terdiri daripada enam Jabatan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata, 6. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan; satu badan berkanun persekutuan iaitu Solid Waste Corporation Malaysia; dan tiga buah agensi iaitu Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

LAMPIRAN

STATISTIK KES LEMAS MENGIKUT NEGERI (JANUARI – SEPTEMBER 2019)

| Bil. | Negeri | Keseluruhan | | | |
|-------------------------------------|--------------------|-------------|------------|----------|-----------|
| | | Bil. Kes | Mati | Cedera | Selamat |
| 1. | Johor | 19 | 13 | 1 | 5 |
| 2. | Kedah | 22 | 21 | 0 | 2 |
| 3. | Kelantan | 11 | 8 | 0 | 1 |
| 4. | Melaka | 3 | 2 | 0 | 0 |
| 5. | Negeri Sembilan | 5 | 3 | 0 | 1 |
| 6. | Pahang | 22 | 19 | 0 | 16 |
| 7. | Perak | 17 | 15 | 1 | 0 |
| 8. | Perlis | 3 | 2 | 0 | 0 |
| 9. | Pulau Pinang | 22 | 13 | 1 | 7 |
| 10. | Sabah | 25 | 15 | 0 | 1 |
| 11. | Sarawak | 40 | 30 | 0 | 7 |
| 12. | Selangor | 20 | 15 | 0 | 2 |
| 13. | Terengganu | 14 | 11 | 0 | 9 |
| 14. | W.P Kuala Lumpur | 3 | 3 | 0 | 0 |
| 15. | W.P Labuan | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 16. | W.P Putrajaya | 1 | 1 | 0 | 0 |
| JUMLAH | | 227 | 171 | 3 | 51 |
| Jenis Insiden | Jumlah | | | | |
| | Bilangan Kes Lemas | Mati | Cedera | Selamat | |
| Lemas dlm air (air terjun / jeram) | 14 | 11 | 0 | 2 | |
| Lemas dlm air (tasik / lombong) | 24 | 22 | 0 | 1 | |
| Lemas dlm air (pantai) | 65 | 41 | 0 | 21 | |
| Lemas dlm air (sungai /taliair) | 121 | 95 | 2 | 27 | |
| Lemas dlm pembentung | 3 | 2 | 1 | 0 | |
| JUMLAH | | 227 | 171 | 3 | 51 |